



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1986) 1987
DR.4/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada satu ratus tiga puluh juta enam ratus enam ribu empat ratus sepuluh ringgit (\$130,606,410) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1986, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1986 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1986.

Akta A630.
Akta A655.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL (Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada Maksud
B. 4 ..	Suruhanjaya Pilihanraya	\$ 8,482,000
B. 14 ..	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	24,351,500
B. 30 .	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	36,288,200
B. 36 ..	Polis Diraja Malaysia	60,900,000
B. 44 ..	Kementerian Penerangan	10
B. 63 ..	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	584,700
JUMLAH ..		\$130,606,410

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1986 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1986 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986.

[PN. (U²) 1429.]